SPM PENGAJIAN AL-QURAN

GEJALA MEMPERSENDAKAN AGAMA

1

Ayat bacaan ayat 68-124. Ayat kefahaman ayat 70 Surah al-An'am.

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا
كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ
أُبْسِلُوا۟ بِمَا كَسَبُوا۟ ۖ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

1.1 PENGERTIAN AYAT

"Jauhkanlah orang yang menjadikan agama sebagai permainan dan hiburan. Mereka terpedaya dengan kehidupan dunia. Dan berikanlah peringatan dengannya (Al-Quran) semoga tiada siapa yang menerima azab disebabkan usahanya. Tidak ada baginya penolong dan pemberi syafaat selain daripada Allah. Jika engkau hendak menebus kesalahan dengan segala jenis tebusan, tidak akan diterimanya. Mereka tetap menerima azab disebabkan perbuatan mereka. Untuk mereka minuman yang mendidih serta azab yang sangat pedih disebabkan kekufuran mereka".

(Surah al-An'am ayat 70)

1.2 LATAR BELAKANG AYAT

1. Orang-orang Musyrikin Makkah suka mempersendakan agama. Mereka mengamalkan ajaran agama secara main-main dan tidak bersungguh-sungguh serta lalai daripada mengerjakan ajaran agama kerana sibuk mengejar kemewahan hidup dunia.
2. Perbuatan mereka ini adalah sia-sia dan membuang masa. Lalu Allah s.w.t. memerintahkan Nabi Mohammad s.a.w. memberi teguran kepada mereka.

1.3 INTISARI AYAT

1. Orang yang suka mempermainkan dan mempersendakan agama kerana terpengaruh dengan kemewahan dan kepentingan hidup di dunia sebenarnya sengaja mendedahkan diri kepada kebinasaan dan akan ditimpa azab Allah s.w.t.
2. Allah s.w.t. memerintahkan rasul-rasul-Nya supaya memberi peringatan kepada golongan ini untuk menyelamatkan mereka daripada kebinasaan.
3. Allah s.w.t. mengingatkan bahawa manusia bertanggungjawab terhadap perbuatan sendiri dan dosanya tidak boleh ditanggung oleh orang lain.
4. Orang yang berdosa akan mendapat pembalasan azab yang pedih di akhirat kelak.

1.4 LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

1. Maksud mempersendakan agama ialah menjadikan ajaran Islam sebagai bahan mainan dan senda gurau atau melaksanakan perintah Allah s.w.t. secara olok-olok atau mengkhianati dan menyeleweng ajaran agama.
2. Perbuatan ini dilarang dalam Islam kerana mempermain-mainkan agama Allah s.w.t. dan menggambarkan seseorang itu lemah iman dan jahil terhadap ajaran agama.
3. Contoh perbuatan mempersendakan agama;
   (a) Makan pada siang hari di khalayak ramai pada bulan Ramadan.
   (b) Menyambut hari raya dengan hidangan minuman keras dan hiburan yang diharamkan oleh syarak.
   (c) Menyempitkan konsep beragama pada tuntutan fardu ain semata-mata, manakala tuntutan fardu kifayah diabaikan.
   (d) Menganggap ajaran Islam tidak sesuai pada setiap masa, zaman dan tempat.
   (e) Menghina Al-Quran dan para ulama.
   (f) Mempersendakan sunnah Rasulullah s.a.w.
   (g) Mempersendakan wanita Islam yang menutup aurat.
   (h) Memutar belitkan maksud ayat Al-Quran dan Hadis untuk kepentingan peribadi dan puak.
4. Terdapat setengah golongan yang sanggup

melakukan perbuatan mempersendakan agama kerana faktor-faktor berikut;

(a) Jahil terhadap hukum-hakam Islam.
(b) Tidak mempunyai jati diri dan iman yang lemah.
(c) Terpengaruh dengan unsur-unsur kebendaan dan kemewahan hidup.
(d) Pengaruh alam sekeliling dan persekitaran.

1.5 GOLONGAN YANG MEMPERSENDAKAN AGAMA

1. Orang musyrikin iaitu orang yang menyekutukan Allah s.w.t. dengan sesuatu.
2. Orang munafik iaitu mereka yang menzahirkan keislaman tetapi menyembunyikan kekufuran.
3. Orang murtad iaitu mereka yang keluar daripada agama Islam.
4. Golongan antihadis iaitu orang yang menolak Hadis sebagai sumber hukum dan asas ajaran Islam.
5. Golongan yang melakukan maksiat dan melanggar perintah Allah s.w.t.

1.6 AKIBAT MEMPERSENDAKAN AGAMA

1. Perbuatan mempersendakan agama adalah haram dan termasuk dalam perkara yang boleh membatalkan iman. Justeru itu, jika seseorang yang terlanjur melakukan perbuatan tersebut perlu insaf dan bertaubat.
2. Akibat buruk mempersendakan agama ialah;
   (a) Mendapat azab yang amat pedih di akhirat.
   (b) Kehidupan di dunia tidak tenang.
   (c) Mengganggu keharmonian hidup masyarakat.
   (d) Mengundang kemurkaan dan bala daripada Allah s.w.t.

1.7 KEWAJIPAN MENANGANI GEJALA MEMPERSENDAKAN AGAMA

1. Setiap muslim wajib mencegah gejala mungkar ini mengikut kemampuan masing-masing, sama ada terhadap keluarga, saudara mara, sahabat handai dan lain-lain anggota masyarakat.
2. Hal ini bertepatan dengan Hadis Rasulullah s.a.w.;

عَنْ أَبِي سَعِيْدٍ الْخُدْرِي رَضِىَ الله عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ الله ﷺ :مَنْ رَأَى مِنكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذٰلِكَ أَضْعَفُ الْإِيْمَانِ.

Maksudnya;

"Daripada Abi Said al-Khudri r.a. berkata, Raslullah s.a.w. "Sesiapa antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangan, jika tidak mampu hendaklah dengan lidahnya, jika tidak mampu hendaklah dengan hatinya, dan yang demikian adalah selemah-lemah iman"

(Hadis riwayat Muslim)

3. Cara menangani gejala mempersendakan agama;
   (a) Menasihat dan memberi bimbingan dengan cara yang baik.
   (b) Mengadakan perbincangan dalam suasana harmoni.
   (c) Berdakwah dengan mengunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
   (d) Menguatkuasakan undang-undang yang tegas untuk mencegah gejala ini.
4. Tanggungjawab menangani gejala mempersendakan agama dan penyelewengan agama terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis-Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri. Namun setiap umat Islam juga bertanggungjawab mencegah gejala ini.

1.8 PENGAJARAN AYAT

1. Setiap muslim hendaklah memandang tinggi terhadap ketinggian Islam berbanding agama lain.
2. Islam mengajar umatnya supaya jangan mempersendakan dan mengkhianati agama Islam.
3. Hendaklah mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan golongan yang suka mempersendakan agama Islam.
4. Setiap umat Islam hendaklah mengamalkan prinsip nasihat-menasihati antara satu sama lain supaya mereka mengamalkan perintah Allah s.w.t. dan menjauhi larangan-Nya.
5. Islam melarang umatnya mengikuti majlis-majlis dan pesta-pesta yang menganjurkan maksiat dan perbuatan mungkar.

PENILAIAN

Jawab semua soalan berikut;

1. Jelaskan pengertian mempersendakan agama.
2. Berikan contoh perbuatan-perbuatan mempersendakan agama.
3. Nyatakan golongan manusia yang suka mempersendakan agama.
4. Nyatakan perbezaan di antara sifat orang yang mempersendakan agama dengan orang yang memelihara agama.
5. Apakah akibat buruk terhadap orang yang suka memperkecil dan mempersendakan agama kepada;
   (a) Akidah.
   (b) Kehidupan sosial.
6. Ada setengah pendapat mengatakan hukum-hukum Islam tidak sesuai lagi dilaksanakan pada zaman ini. Berikan pendapat anda.
7. Cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi perbuatan mempersendakan agama.
8. Terangkan langkah-langkah yang patut diambil apabila anda berhadapan dengan orang yang mempersendakan agama.

JAWAPAN

1. Pengertian mempersendakan agama;
   Menjadikan ajaran Islam sebagai bahan mainan dan senda gurau atau melaksanakan perintah Allah s.w.t. secara olok-olok atau mengkhianati dan menyeleweng ajaran agama.

2. Contoh-contoh perbuatan mempersendakan agama ialah;
   (a) Mempersendakan wanita Islam yang menutup aurat.
   (b) Makan pada siang hari dalam bulan Ramadhan.
   (c) Mempersendakan syariat Islam dengan mengatakan ianya lapuk dan tidak sesuai diamalkan lagi di zaman moden ini.
   (d) Menghina para ulama dan kitab agama.
   (e) Bermegah-megah kerana melanggar syariat Islam seperti minum arak dan melakukan maksiat.

3. Golongan manusia yang suka mempersendakan agama ialah;
   (a) Golongan yang terdiri daripada orang kafir dan musyrikin.
   (b) Orang-orang munafik.
   (c) Orang-orang yang jahil tentang Islam dan orang Islam yang lemah iman.
   (d) Orientalis iaitu orang-orang Barat yang sentiasa mencari kelemahan Islam untuk menghukum Islam dan umatnya.
   (e) Golongan Yahudi dan Kristian.
   (f) Orang yang mengejar kehidupan dunia semata-mata.

4. Perbezaan di antara sifat orang yang mempersendakan agama dengan orang yang memelihara agama;
   (a) Orang yang mempersendakan agama;
      (i) Mempunyai iman yang lemah.
      (ii) Jati diri yang lemah.
      (iii) Tidak tahan ujian dan godaan.
      (iv) Dikawal oleh hawa nafsu.
   (b) Orang yang memelihara agama;
      (i) Mempunyai iman yang kuat.
      (ii) Jati diri yang teguh.
      (iii) Cekal dan tabah.
      (iv) Tahan godaan.
      (v) Berupaya mengawal nafsu.

5. Akibat buruk orang yang mempersendakan agama daripada aspek berikut ialah;
   (a) Akidah;
      (i) Membawa kepada keruntuhan akidah terhadap Allah s.w.t.
      (ii) Membawa kepada murtad dan kufur terhadap Allah s.w.t.
      (iii) Hidup terumbang-ambing tanpa pegangan agama.
      (iv) Segala amalan tidak diberkati oleh Allah s.w.t.
   (b) Kehidupan sosial;
      (i) Berakhlak buruk dan mudah terkena penyakit sosial seperti bergaul bebas antara lelaki dan wanita.
      (ii) Menimbulkan kesan negatif penganut agama lain terhadap Islam.
      (iii) Menjadi orang yang lalai, jiwa tidak bersih, mensia-siakan waktu yang berharga dan terpedaya dengan kehidupan yang sebenar.

6. Hujah untuk menolak pendapat orang yang mengatakan hukum Islam tidak sesuai diamalkan pada zaman ini ialah;
   (a) Hukum Islam adalah hukum ciptaan Allah s.w.t. dan adalah mustahil Allah s.w.t. menurunkan hukum yang hanya sesuai pada zaman nabi sahaja.
   (b) Hukum Islam merupakan hukum yang lengkap dan sempurna yang sesuai dengan semua tempat,masa dan keadaan.
   (c) Hukum Islam bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia, maka ia sesuai dilaksanakan pada zaman ini.

(d) Hukum Islam membela yang hak dan menentang kebatilan. Perkara hak dan batil berlaku kepada manusia pada setiap masa.
(e) Perlaksanaan hukum Islam memberi pengajaran kepada manusia supaya manusia menyesal dan bertaubat.

7. Langkah-langkah mengatasi perbuatan mempersendakan agama ialah;
(a) Memperkukuhkan akidah Islam di kalangan masyarakat Islam.
(b) Meningkatkan kefahaman Islam kepada seluruh masyarakat Islam melalui ceramah, nasihat, kempen dan poster supaya mereka dapat membezakan antara hak dan batil.
(c) Mengenakan hukuman terhadap pihak-pihak tertentu dengan hukuman yang setimpal supaya dapat menginsafkan mereka dan mencegah orang ramai daripada mempermainkan agama.
(d) Menjauhkan diri daripada bercampur gaul dengan golongan tersebut supaya tidak terpengaruh.
(e) Menjauhi perbuatan maksiat dan perkara yang tidak berfaedah.
(f) Menasihati mereka dengan cara yang bijaksana.

8. Langkah-langkah yang patut diambil apabila anda berhadapan dengan orang yang mempersendakan agama ialah;
(a) Menasihatinya supaya segera bertaubat.
(b) Berusaha membuktikan bahawa Islam agama yang benar.
(c) Mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan perbuatan itu.
(d) Menjelaskan keburukan dan balasan Allah s.w.t. ke atas orang yang mempersendakan agama.